



# Hartanah Malaysia tarik minat pembeli asing

Oleh [Hazwan Faisal Mohamad](#) - Februari 7, 2022 @ 12:36pm  
[hazwanfaisal@mediaprima.com.my](mailto:hazwanfaisal@mediaprima.com.my)



IBN Bukit Bintang akan menjadi bangunan kediaman tertinggi di Kuala Lumpur - Foto ihsan IBN Corp

KUALA LUMPUR: Malaysia kekal menjadi antara destinasi hartanah menarik untuk pembeli antarabangsa terutama di Kuala Lumpur, Genting Highlands dan Sabah, demikian menurut IBN Corp Ltd.

Pengarah IBN Corp, Megat Khalil Izzuddin Shah, berkata Malaysia kekal sebagai salah sebuah negara paling ideal untuk bersara berikutan cuaca dan persekitaran kehidupan yang sangat baik.

Beliau berkata, pelabur antarabangsa juga terus berminat terhadap hartanah tertumpu terutamanya di pusat bandaraya Kuala Lumpur dan dalam projek berkaitan pelancongan.

Katanya, sebagai sebuah negara berbilang bahasa dan berbilang budaya, Malaysia mempunyai kelebihan yang besar dalam menyediakan persekitaran yang mudah diadunkan oleh warga asing.

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Teladan Setia lancar projek baharu RM1.04 bilion tahun ini**
- **IIFM Sunrise raih iualan RM1 46**

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 7m [Ringgit dibuka lebih tinggi](#)
- 17m [Tiada lagi 'total lockdown' - Mohamed Azmin](#)
- 22m [Indonesia perluas perkhidmatan teleperubatan pesakit COVID-19](#)
- 26m [Mencari titik keseimbangan antara harga barang, gaji minimum](#)
- 26m [Hadkan penggunaan gajet, elak anak ketagih](#)
- 27m [Barcelona dijangka dapat tajaan Spotify](#)
- 50m [Warga emas maut motosikal rempuh kerbau](#)
- 54m [AS mahu perjanjian nuklear Iran segera dimuktamadkan](#)

• **IBN Corp raih jualan RM1.45 bilion**

- **Kempen Sime Darby Property raih tempahan jualan RM1.83 bilion**
- **Glomac rancang lancar projek baharu RM216 juta**

"Sistem pengangkutan awam yang mudah diakses, kos perubatan yang berpatutan dan pendidikan yang murah namun cemerlang juga adalah prospek yang menarik.

"Di samping itu, pelabur juga menyukai pilihan pegangan bebas dan harganya untuk kualiti gaya hidup yang diterima, berbanding dengan apa yang terdapat di negara asal mereka seperti China, Hong Kong, Singapura dan Jepun.

"Hasilnya, kita telah melihat bahawa pasaran hartanah Malaysia sebenarnya kekal agak stabil sepanjang dua tahun ini," katanya dalam satu kenyataan.

Megat Khalil berkata, sebaik saja pelanggan dari luar negara dibenarkan melakukan perjalanan semula, pihaknya percaya akan ada peluang untuk pertumbuhan selanjutnya.

"Beberapa pelanggan dari Singapura sudah mula kembali ke Malaysia untuk membeli hartanah dan akhirnya pelanggan dari Asia Timur, serta Eropah dan benua Amerika mungkin akan kembali pada separuh kedua tahun ini," katanya.

IBN Corp yang ditubuhkan di Malaysia pada 2018, memberi tumpuan kepada pembangunan hartanah mewah dan mempunyai asas pelanggan yang kebanyakannya terdiri daripada pembeli luar negara.

Pembangunan utama IBN Corp termasuk IBN Bukit Bintang, iaitu pembangunan mewah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1.3 bilion yang akan menjadi bangunan kediaman tertinggi di Kuala Lumpur dan IBN Highlands City, projek pembangunan bercampur dengan GDV RM6.2 bilion yang terletak di Genting Highlands.

Megat Khalil menambah, disebabkan sekatan perjalanan semasa, pelanggan luar negara tidak dapat mengunjungi tapak projek dan galeri jualan IBN Corp di Malaysia.

"Oleh itu, syarikat itu menyusun strategi jualan dan pemasaran untuk memberi lebih tumpuan kepada pasaran tempatan. Dengan membabitkan diri dengan agensi hartanah tempatan terkemuka, IBN Corp menasarkankan untuk meningkatkan nisbah asas pelanggan tempatan kepada 50 peratus.

"Memandangkan pembangunan utama kami, IBN Highlands City terletak di Genting Highlands dan projek yang direka khusus untuk tujuan pelaburan, maka agak mencabar untuk mencari pelanggan tempatan yang memenuhi kriteria kami.

"Namun, Genting Highlands adalah destinasi pelancongan terkemuka di dunia dengan lebih daripada 50 tahun sejarahnya.

"Pemandangan yang menakjubkan, pelbagai pilihan hiburan dan infrastruktur bandarnya menarik 28 juta pelancong setiap tahun, justeru hartanah di sini pastinya mempunyai cadangan pelaburan yang menarik walaupun dalam kalangan penduduk tempatan," katanya.



IKUTI KAMI DI:



**BERITA**

[BHPLUS](#)

[Nasional](#)

[Kes](#)

[Politik](#)

[Pendidikan](#)

[Wilayah](#)

**SUKAN**

[DUNIA](#)

[HIBURAN](#)

[BISNES](#)

[RENCANA](#)

[WANITA](#)

[HUJUNG MINGGU](#)

**MULTIMEDIA**

[Foto](#)

[BHTV](#)

[Infografik](#)

**LANGGAN**

[Akhbar Digital](#)

[Akhbar BH](#)

**PERKHIDMATAN**

[Iklan Web](#)

[1Klassifieds](#)

[NSTP KLiK](#)

**RADIO**

[Hot FM](#)

[Buletin FM](#)

[Fly FM](#)

[8FM](#)